



Bonang

BONANG, sejenis alat muzik bergema (*idiophone*) yang digunakan dalam persembahan gamelan. Alat ini juga dikenal sebagai keromong, iaitu gong-gong kecil yang diletak secara mendatar (*horizontal*) di atas tali yang diregangkan merentasi bingkai atau kotak kayu segi empat panjang. Kotak ini berukuran lebih kurang 152 cm. Untuk menentukan yang tali regangan tidak kendur, kepingan kayu penyokong diletakkan di antara tiap-tiap biji bonang.

Bentuk bonang sama seperti caklempong iaitu berbentuk mangkuk atau kendi kecil yang bercembul. Terdapat antara 10 hingga 12 biji bonang yang diatur dalam dua barisan dan diletakkan dalam kotak ruangan masing-masing. Satu barisan bonang tersebut mempunyai tangga nada yang tinggi, sementara yang satu lagi mempunyai tangga nada satu oktaf lebih rendah.

Mangkuk bonang diperbuat daripada besi dan perunggu, iaitu campuran tembaga dan timah putih. Bahan ini dilebur dan ditempa mengikut campuran sepuluh bahagian tembaga tulen dan tiga bahagian timah tulen. Peleburan ini dilakukan di dalam bekas yang berbentuk mangkuk (*crucible*), diperbuat daripada campuran tanah liat, jerami dan sekam padi. Setelah dilebur, bahan tadi dituangkan ke dalam acuan yang diperbuat daripada pasir, kerikil dan tanah liat. Lakar atau kepingan gangsa yang dihasilkan itu diketuk dan ditempa menjadi bonang. Alat bonang boleh juga dibentuk daripada kepingan besi (*iron/metal plate*) dengan cara ketukan sahaja, tanpa dilebur. Besi dikerat bulat dengan pahat berdasarkan saiz bonang. Ketukan pada bahagian tepi dan tengah dilakukan untuk menghasilkan bingkai dan cembulnya.

Bonang dimainkan dengan menggunakan dua pemukul kayu yang dibalut dengan kain merah pada hujungnya. Balutan kain akan menjadikan pemukul lembut dan tidak merosakkan cembul bonang apabila dipukul. Kedua-dua pemukul ini digunakan oleh seorang pemuzik untuk menghasilkan irama bonang, sama ada dua nada yang sama serentak (nada tinggi atau rendah) atau dua nada bertingkah (*interlocking patterns*). [lih. j. CAKLEMPONG, GAMELAN, GONG]

BONE, kerajaan yang pernah wujud di semenanjung selatan Pulau Sulawesi dan mula terkenal sejak abad ke-17. Bone terletak di bahagian timur semenanjung, bersempadankan Sungai Walane di sebelah barat, Sungai Cerana di sebelah utara, Teluk Bone di timur dan Sungai Tangka di selatan.

Penduduk Bone terdiri daripada suku kaum Bugis yang merupakan pelaut yang terkenal di sekitar Asia Tenggara pada abad ke-17 dan abad ke-18. Mereka ditemui di merata-rata negara di Asia Tenggara ketika itu, bekerja sebagai saudagar mahupun sebagai askar upahan. Justeru itu ramai antara mereka yang telah menetap di kawasan-kawasan lain di Asia Tenggara, termasuk di Kalimantan, Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Riau.

Mengikut sebuah hasil sastera orang Bugis, puisi *I La Galigo*, kerajaan Bone diasaskan oleh seorang dewa yang bernama Batara Guru. Batara Guru telah diperintahkan oleh ayahandanya, Sangkurwira, supaya turun ke dunia untuk membawa peradaban kepada manusia yang masih liar. Dia kemudian telah berkahwin dengan sepupunya dan zuriat mereka inilah yang menjadi raja-raja Bone. Cerita *I La Galigo* ini jelas menampakkan pengaruh Hindu yang merupakan kepercayaan awal orang Bone.

Sejak abad ke-17, Bone menjadi sebuah negara Islam yang terkemuka di timur Nusantara. Islam telah masuk ke Bone dari Gowa, melalui pedagang dan pendakwah. Sungguhpun ramai pedagang Islam yang berdagang di pelabuhannya pada abad ke-16, mereka tidak berjaya memujuk pemerintah Bone memeluk Islam. Oleh sebab keengganan Bone menerima Islam, pada tahun 1608, Gowa telah menyerangnya.

Raja Bone yang pertama memeluk Islam ialah La Tenriruwe Matinroe ri Bantaeng (1605–1606), raja ke-11. Tetapi baginda turun takhta kerana keengganan rakyat dan pembesarnya memeluk Islam. Pada tahun 1608, sekali lagi Gowa menyerang Bone. Pada tahun 1610/1611, pengganti La Tenriruwe, La Teripala Mationore ri Tallo pula memeluk agama Islam. Baginda digelar Sultan Abdullah. Dengan pengislaman raja Bone yang ke-12 ini, agama Islam menjadi agama rasmi Bone.

Raja-raja Bone digelar 'Arumpone'. Mereka diiktiraf sebagai raja kerana memiliki alat-alat kebesaran kerajaan yang dipanggil 'Arajang' atau 'Gaukang' atau 'Kalompoan'. Alat-alat ini terdiri daripada bendera atau panji-panji, alat-alat senjata dan pingat.

Sejarah awal kerajaan Bone tidak banyak diketahui. Pada tahun 1604, kerajaan Gowa telah menyerang dan menakluknya. Pendudukan Gowa berlangsung selama 27 tahun dan hasil daripada Perjanjian Bungaya (1667) antara pihak Belanda dengan Gowa, Bone telah dimerdekakan. Setelah merdeka, Bone mula berkembang sebagai sebuah negara yang maju dan paling berpengaruh di Sulawesi Selatan. Perkembangan dan kemajuannya adalah kerana kerjasamanya dengan Belanda. Bone merupakan sekutu Belanda semasa menentang Gowa pada tahun 1667, dan Belanda tidak menghalang kapal dan pedagang Bone berdagang di mana-mana sahaja di Kepulauan Melayu.

Persahabatan antara Bone dengan Belanda tidak lama. Belanda ingin untuk menjajah dan memonopoli perda-